

21 JUN 2018

Ditahan tiga jam selepas samun

Ditahan tiga jam selepas samun

KEPALA BATAS - Tidak sampai tiga jam melakukan samun di sebuah stesen minyak di Kampung Paya, tiga lelaki yang disyaki penagih dadah diberkas polis dalam satu serbuan di sini pagi kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 4.20 pagi, ketiga-tiga suspek berkenaan dikatakan meluru masuk ke dalam stesen minyak berkenaan sebelum salah seorang daripada mereka ke kaunter pembayaran membuka almari duit dan mengambil wang dan barangan lain.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, ketika kejadian seorang pekerja perempuan berumur 21 tahun yang merupakan juruwang berada di kaunter berkenaan dan diberi amaran supaya tidak berbuat apa-apa.

"Suspek dipercayai masuk ke dalam kedai melalui pintu cermin hadapan kedai yang telah pecah," katanya, semalam.

Noorzainy berkata, pihaknya menggerakkan pasukan



Antara barang yang dirampas daripada suspek.

khas melalui Ops Tebuk bagi memburu ketiga-tiga suspek berkenaan.

Hasilnya, polis berjaya menjejak ketiga-tiga suspek berkenaan tiga jam kemudian.

"Pemeriksaan polis terhadap ketiga-tiga suspek menemui dua paket plastik lut sinar yang mengandungi serbuk kristal disyaki dadah jenis syabu dan wang tunai berjumlah RM4,006.

"Turut dirampas satu unit

topi keledar berwarna merah dan sesebuah motosikal jenis Honda Ex-5 warna hitam," katanya.

Tambahnya, ujian saringan air kencing mendapati ketiga-tiga suspek positif dadah jenis methamphetamine serta dua daripada tiga suspek tersebut mempunyai empat rekod lampau pecah rumah, ceroboh dan kes dadah.

Ketiga-tiga suspek berkenaan kini direman.